

# Teknologi diperkenalkan Meta permudah interaksi tiga dimensi

Ong Weng Yan dan Nor Azleen Abdul Rahman, Universiti Malaysia Pahang

Dunia meta akan tiba sebagai gelombang revolusi teknologi yang memudahkan interaksi antara pengguna secara tiga dimensi. Pembelajaran dalam kelas, menonton filem di panggung wayang atau mesyuarat dapat dilakukan secara maya dengan persekitarannya mirip kepada dunia nyata.

Teknologi yang diperkenalkan oleh Meta ini dikatakan sangat canggih sehingga dapat menyaingi dan mampu memberi ancaman kepada syarikat teknologi gergasi lain. Ia bermula apabila pengasas Facebook, Mark Zuckerberg mengumumkan bahawa syarikatnya menukar nama kepada Meta mulai 28 Oktober 2021. Adakah nama syarikat ditukar dengan sesuka hati tanpa sebab? Bagaimana pula kesannya kepada masyarakat?

Secara umumnya, perubahan nama syarikat Facebook kepada Meta bertujuan untuk meningkatkan persaingan dengan syarikat teknologi lain, seperti Twitter, YouTube, Wechat dan Tiktok. Golongan muda terutamanya, lebih gemar melayari media sosial seperti Tik Tok. Ia adalah pesaing hebat Facebook ketika ini.

Zuckerberg sedar, masa depan bukan lagi telefon pintar, komputer atau tablet tetapi interaksi secara maya, realiti bercampur dan kaca mata pintar. Walaupun penggunaan 'metaverse' (persekitaran maya perkongsian yang akan menjadi pengganti kepada internet mudah alih) secara besar-besaran mungkin tidak berlaku dalam masa terdekat, teknologi baharu ini mampu meningkatkan kuasa persaingan.

Perubahan nama syarikat itu memberi kesan kepada seluruh dunia kerana 22 peratus daripada populasi menggunakan Facebook sementara 50 bilion syarikat menggunakannya untuk perniagaan mereka. Malah, setiap minit 400 pengguna baharu akan mendaftar akaun Facebook.

Namun begitu, setiap teknologi yang baharu pas-

ti ada kesan sama ada positif atau negatif. Justeru, teknologi Meta ini ingin memperkenalkan beberapa konsep baharu seperti data besar, kepintaran buatan, pembelajaran mesin dan ruangan digital maya, yang membolehkan komunikasi berlaku secara besar-besaran tanpa sempadan.

Pada umumnya, konsep dunia meta sudah dituliskan dalam fiksi dan permainan video sejak berdekad lalu. Ia tidak asing bagi kita dengan kesan positifnya memudahkan pengguna berhubung dengan adanya avatar dan keupayaan kita mengalaminya secara fizikal walaupun ia beroperasi secara maya. Selain itu, tahap kerahsiaan akaun pemilik akan lebih ketat untuk menghalang pencerobohan.

Teknologi ini juga membenarkan pengguna bekerja dari rumah namun seakan berada secara fizikal di pejabat menerusi dunia realiti maya yang dibina. Dalam keadaan pandemik, kita boleh berada di rumah, malah pesakit yang tidak memer-

lukan rawatan serius boleh berkonsultasi dengan doktor menerusi teknologi itu.

Guru pula dapat memerhatikan pergerakan pelajar tanpa perlu lagi bersusah-susah untuk memantau prestasi akademik mereka. Teknologi ini akan meningkatkan taraf hidup masyarakat ke peringkat yang lebih tinggi.

Bagaimanapun, sesi negatif teknologi ini dikhuatiri akan menghakis nilai kemanusiaan. Hal ini disebabkan teknologi yang membangun dengan pesat berpotensi menjadikan manusia semakin tamak dan alpa. Selain itu, disebabkan teknologi berkecaraan 'mengurung' manusia di rumah dengan penggunaan gajet yang kerap, daya ketahanan diri semakin menurun. Manusia akan menjadi semakin malas dengan kebergantungan penuh kepada teknologi.

Malah, dari segi persaingan perniagaan ia akan mendatangkan kerugian kepada syarikat yang tidak berubah seiring perkembangan teknologi. Banyak pekerjaan semasa akan terhapus dan ketinggalan zaman.

Walaupun pada mulanya banyak kritikan terhadap perkembangan teknologi yang diperkenalkan Facebook tetapi kita hanya akan menyedari faedahnya dalam tahun-tahun mendatang. Masyarakat secara umum bakal mendapat lebih manfaat dengan inovasi teknologi syarikat Meta jika digunakan secara terkawal.

Dunia meta mempunyai potensi besar untuk kita melangkaui batas interaksi yang sedia ada. Maka, sebagai pengguna yang menggunakan platform ini pastinya ia akan membantu dalam setiap aspek kehidupan seharian. Namun, perlu diingatkan pengguna menjaga polisi perkongsian maklumat peribadi daripada tersebar kepada pihak yang tidak bertanggungjawab. Adakah kita sudah bersedia?



Media sosial kini berusaha untuk merevolusikan teknologi interaksi antara pengguna secara tiga dimensi. (Foto hiasan)